

ANALISIS KESILAPAN BAHASA DALAM PENULISAN KARANGAN PELAJAR- PELAJAR BMPK DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Hasnah Hassan

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Email: jva180008@siswa.um.edu.my

Nurul Haniza Samsudin

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya,

E-mail: haniza_85@um.edu.my

Simah Mamat

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya,

E-mail: simah@um.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis strategi pembelajaran yang diguna pakai oleh pelajar Bahasa Ketiga di dua buah sekolah menengah yang menawarkan Bahasa Melayu Program Khas (BMPK). Kajian ini melibatkan 44 orang pelajar yang dipilih dari dua buah sekolah iaitu Pusat Bahasa Kementerian Pelajaran, Bishan dan Sekolah Menengah Tampines. Kajian ujian diagnosis bertulis dan temu bual digunakan sebagai instrumen untuk mendapatkan data strategi pembelajaran bahasa Melayu daripada responden pelajar Bahasa Ketiga. Pelajar dikehendaki menulis jawapan Lembaran 3. Teori monitor yang dipelopori oleh Krashen (1982) digunakan untuk pengelasan strategi pembelajaran Bahasa Ketiga secara mendalam. Dapatan kajian yang diperolehi melalui proses transkripsi data menunjukkan strategi pembelajaran responden pelajar dan penggunaan strategi guru lebih banyak menggunakan strategi terjemahan berbanding strategi pembelajaran yang lain. Data yang diperolehi melalui proses pemerolehan daripada ujian diagnosis yang di analisis menggunakan prosedur analisis kesilapan yang dipelopori Corder (1967). Berdasarkan dapatan temu bual responden pelajar, strategi Bertanya Untuk Penjelasan paling banyak digunakan iaitu 23.15% manakala strategi responden guru pula strategi Kerjasama paling banyak digunakan iaitu 18.57%. Analisis kajian menunjukkan bahawa kesilapan responden pelajar bahasa Ketiga berdasarkan Lembaran Kerja 3 iaitu menulis karangan bergambar kebanyakannya berpunca daripada kesilapan bahasa dan penghilangan kata. Implikasi kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pihak yang menggubal kurikulum BMPK, pihak yang mengelolakan buku teks bahasa Melayu untuk pelajar-pelajar BMPK dan pelajar-pelajar asing yang mengambil bahasa Ketiga dan juga tenaga pendidik yang mengajar BMPK.

Kata Kunci : Strategi pembelajaran, kesilapan bahasa, kajian bilik darjah

1. Pengenalan

Landskap pendidikan abad ke-21 telah mengubah hala tuju sistem pendidikan di seluruh dunia. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah bukan hanya tertumpu kepada keperluan menghabiskan silibus pengajaran semata-mata. Sebaliknya, pelajar perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran dan latihan agar dapat menghadapi era globalisasi. Kurikulum pendidikan terutamanya bahasa Melayu perlu sentiasa mengikut peredaran zaman. Tujuannya supaya modal insan yang dilahirkan menerusi sistem pendidikan selaras dengan keperluan semasa (Ainun Rahmah at al., 2017). Aktiviti yang berpusatkan pelajar dan perubahan kepada teknik PdP juga perlu dilakukan supaya impaknya bersesuaian dengan kehendak global. Dalam hal ini, guru harus memilih dan menggunakan teknik-teknik pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan pembelajaran. Strategi pembelajaran yang dipilih juga perlu mengambil kira faktor umur dan minat pelajar, serta bahan pengajaran yang hendak disampaikan (Kamarudin, 1996). Oleh itu, guru perlu bersedia untuk menyesuaikan diri dengan teknik, kaedah, dan pendekatan yang bersifat mesra pelajar dan bersesuaian dengan kaedah semasa (Hasliza, Siti Munira & Zarina, 2016). Menurut Slameto (2010), keberkesanan sesuatu pengajaran turut dipengaruhi oleh kaedah dan teknik yang diaplikasikan oleh guru. Kaedah dan teknik pengajaran ini turut diperkukuhkan dengan aktiviti yang bersesuaian dengan objektif pembelajaran.

Dalam pengajaran kemahiran tatabahasa bahasa Melayu juga memerlukan teknik pengajaran yang bersesuaian. Tujuannya untuk mengasah minat dan meningkatkan keyakinan pelajar untuk menggunakan kemahiran tatabahasa dengan tepat dalam pelbagai konteks. Pengajaran tatabahasa Melayu seperti imbuhan perlu dititikberatkan dalam penghasilan karangan yang mantap, penyampaian makna yang tepat, dan pembinaan ayat yang gramatis (Hidayu & Yahya, 2016; Nurul Adzwa, Nur Farahkhanna, & Norfaizah, 2020). Perbezaan keupayaan kognitif, minat dan sikap menyebabkan kesukaran memahami penggunaan imbuhan oleh pelajar. Kesukaran menguasai imbuhan telah dibincangkan secara meluas. Umum mengetahui impaknya terhadap kemahiran-kemahiran bahasa pada peringkat yang lebih tinggi. Kesukaran-kesukaran ini ditunjukkan melalui kesalahan tatabahasa seperti aspek morfologi, sintaksis, dan ortografi (Amirra Shazreena & Vijayaletchumy, 2019; Alhaadi & Zaitul Azma, 2018; Roasharimah & Zamri, 2017; Zaliza, 2017). Walaupun terdapat banyak teknik pengajaran bahasa Melayu seperti teknik berbincang, menghafaz, tunjuk cara, dan lain-lain, masih terdapat persoalan mengenai keberkesanan teknik ini terutamanya dalam mengajar imbuhan bahasa Melayu. Oleh itu penulisan ini mempunyai tujuan untuk menganalisis strategi pembelajaran yang diguna pakai oleh pelajar Bahasa Ketiga di dua buah sekolah menengah yang menawarkan Bahasa Melayu Program Khas (BMPK).

Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (2010) telah mengenal pasti langkah untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di Singapura. Visi Arif Budiman, iaitu untuk melahirkan insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat, menetapkan hala tuju bagi guru dan pelajar bahasa Melayu untuk membina kefasihan berbahasa dan penghayatan nilai dan budaya Melayu. Pengajaran bahasa Melayu di Singapura bertujuan melengkapkan setiap pelajar dengan sikap, kemahiran dan ilmu untuk menjadi insan yang berhemah serta mampu menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Oleh itu, guru berperanan merancang dan menggunakan soalan-soalan penting untuk membimbing murid menggunakan pengetahuan sedia ada, melibatkan mereka dalam perbincangan untuk menjanakan pemahaman utama yang boleh dipindahkan melalui masa, silang disiplin dan situasi (Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Republik Singapura, 2019). Dalam peperiksaan *General Certificate of Education* Bahasa Melayu (GCE) bagi Bahasa Melayu Program Khas atau Malay Special Programme (MSP) di Peringkat Biasa atau *Ordinary Level*. Penulisan karangan merupakan komponen yang membentuk 15% daripada keseluruhan markah Kertas Peperiksaan MSP. Penggunaan kata dan frasa adjektif dalam penulisan merupakan aspek tatabahasa yang perlu digunakan oleh pelajar dalam pembinaan struktur ayat yang gramatis, terutama bagi tujuan mengarang. Imbuhan awalan *meN-* merupakan awalan bagi kata kerja yang menunjukkan perbuatan bagi sesuatu perkara. Awalan *meN-* akan membentuk kata kerja aktif, sama ada transitif atau tak transitif. Walaupun kata dasar bagi sesuatu perkataan itu terdiri daripada kata nama atau kata adjektif, apabila ia menerima imbuhan *meN-*, perkataan baharu dan berbeza maksud akan terhasil. Kesukaran menguasai rumus tatabahasa ini berlaku apabila pelajar tidak dapat memberikan imbuhan yang tepat kepada sesuatu perkataan dan kesilapan penggunaan perkataan berimbuhan dalam ayat untuk penulisan karangan.

Oleh itu, penggunaan strategi pembelajaran yang mudah dan jelas perlu diaplikasikan dalam pembelajaran imbuhan di sekolah terutama kata dan frasa adjektif dalam kajian ini. Guru memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat pelajar mempelajari tatabahasa terutamanya aspek ayat yang gramatis. Strategi pembelajaran menyumbang pada kebolehan pelajar untuk membina sistemnya yang mana pelajar telah bangunkan dan mempengaruhi pembelajaran secara langsung. Terdapat dua strategi utama yang dipraktikkan oleh pelajar iaitu strategi metakognitif dan kognitif. Dua strategi ini agak sukar untuk dipisahkan, namun Brown dan Palinscar (1982) dan O'Malley *et al* (1983) telah mencubanya. O'Malley *et al* (1983) merujuk metakognitif sebagai pertama, pengetahuan

tentang proses kognitif dan kedua, peraturan kognitif atau pengurusan sendiri melalui proses seperti merancang, memantau dan menilai. Strategi kognitif merujuk kepada langkah-langkah yang dilakukan dalam pembelajaran atau penyelesaian masalah yang memerlukan penganalisaan secara langsung, transformasi atau gabungan bahan pembelajaran. Kognitif terdiri daripada proses atau strategi yang mana seseorang individu itu meraih ilmu atau memahami konsep. Harus diingat bahawa ahli teori pembelajaran kognitif telah menemui banyak bukti yang menyarankan suatu pakej latihan yang mengandungi kedua-dua strategi untuk menggambarkan strategi sesuai-tugasan, arahan mengenai betapa ketaranya aktiviti tersebut dan arahan mengenai pemantauan dan kawalan strategi yang digunakan (Brown dan Palinscar, 1982, p. 7). Sebagaimana O'Malley *et al* (1983) memberi kesimpulan: Pendekatan pelajar yang tanpa metakognitif merupakan pelajar tanpa arah dan kebolehan untuk memantau kemajuannya, pencapaian dan hala tujuan pembelajaran untuk masa hadapan.

2. Metodologi Kajian

Pengkaji akan menjalankan dua jenis kajian, iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian ini merangkumi dua tahap iaitu tahap kajian lapangan dan kajian sebenar. Pengkaji akan menggunakan kajian kepustakaan untuk membincangkan teori kajian lalu berkaitan konsep dan metodologi kajian. Pengkaji akan menjalankan kajian lapangan sebelum melaksanakan kajian sebenar. Dalam kajian sebenar pengkaji menggunakan ujian pencapaian dan diikuti analisis kesilapan yang akan digunakan untuk menganalisis data yang diraih daripada kajian lapangan. Pengkaji melakukan penyelidikan secara kuantitatif dan kualitatif. Pengkaji juga menggunakan penyelidikan secara kualitatif, iaitu dengan cara pemerhatian, temu bual, dan menganalisis dokumen yang berkaitan untuk mendapatkan data yang lengkap.


Pengkaji melaksanakan kajian kepustakaan bagi mendapatkan maklumat berkaitan seperti teori monitor, analisis kesilapan bahasa, analisis konstrastif, BA, strategi pembelajaran, strategi pemindahan bahasa dan perbandingan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Melalui kajian kepustakaan, pengkaji meneliti bahan bercetak seperti jurnal, tesis, buku dan kertas-kertas prosiding seminar. Kajian kepustakaan ini membolehkan pengkaji mendapat gambaran awal tentang bidang kajian dengan lebih mendalam.

Pengkaji melaksanakan satu kajian lapangan di dua sebuah sekolah di Singapura yang menawarkan Bahasa Melayu Program Khas pada Januari 2021 dengan kebenaran pihak Kementerian Pendidikan dan pihak sekolah yang dipilih. Sampel kajian ini terdiri daripada 44 orang pelajar menengah satu berumur 13 tahun yang tiada latar belakang atau pendedahan terhadap bahasa Melayu. Kajian lapangan ini akan dijalankan dengan kerjasama guru bahasa Melayu menengah satu. Tujuan kajian lapangan adalah untuk menentukan jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Bahasa Melayu Program Khas dalam bahasa Melayu. Selain itu, pengkaji menganalisis dan mengkategorikan kesilapan-kesilapan pelajar mengikut kategori seperti ejaan, kata, imbuhan, penjodoh bilangan, frasa dan struktur ayat; dan seterusnya untuk mendapatkan gambaran awal mengenai keberkesanan instrumen kajian untuk memperoleh data kajian kelak.

Dalam aspek tulisan, dua kriteria dapat dituruti untuk monitor. Pertama, pelajar mengetahui peraturan-peraturan B2 walaupun tidak sepenuhnya dan kedua, ketika menulis pelajar berkesempatan untuk menyunting hasil penulisannya. Pengkaji juga memilih ujian bertulis kerana menurut Krashen (1981, p. 14) penggunaan monitor begitu efisien dalam proses menulis. Menurut Krashen dan Terrell (1983, p. 152), terdapat dua situasi monitor berkesan jika digunakan dalam proses penulisan. Pertama, monitor dapat berperanan dengan baik apabila perhatian ditumpukan untuk menguji sesuatu tatabahasa. Kedua, pengkaji pula dapat mengingatkan pelajar untuk menyunting hasil penulisan

menerusi arahan secara lisan atau tulisan. Ujian penulisan ini boleh digandingkan dengan teori monitor, maka ujian ini digunakan sebagai instrumen. Ujian penulisan ini sesuai dengan kehendak penilaian dalam kajian B3 untuk mencungkil, memerhati dan merakam bahasa dan kelakuan penutur B3 yang kaitan dengan bahasa serta menterjemahkannya melalui teori pemerolehan bahasa. Kepelbagaian corak penilaian boleh menolong penyelidikan dengan menjalankan triangulasi untuk menentukan kesahan ujian yang dilaksanakan.

Pengkaji menggunakan prosedur analisis kesilapan Corder (1981, p. 24) untuk menganalisis data yang diperoleh. Prosedurnya seperti berikut:



Rajah 1: Prosedur Analisis Kajian

Ellis (1997) juga menjelaskan bahawa strategi untuk mengkaji B2 adalah melalui pengumpulan sampel-sampel bahasa pelajar iaitu bahasa penutur B2 tersebut melalui tulisan atau lisan dan selanjutnya membuat analisis secara tuntas. Ellis menyarankan lima cara untuk mengkaji kesan pemindahan dalam bahasa penutur yang dianalisis. Namun, pengkaji akan menggunakan hanya cara kedua iaitu perbandingan ciri khusus dalam BA, B1 dan B3.

3. Pemilihan sampel kajian

Pada bahagian ini, pengkaji akan meneliti perkongsian para pelajar menengah satu Bahasa Melayu Program Khas di Singapura tentang analisis kesilapan.

Seramai 44 responden pelajar menyatakan strategi pembelajaran mereka semasa sesi temu bual. Berdasarkan Model Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) O'Malley dan Chamot, bagi item 1.1.1 Penyusunan pendahuluan, merupakan subitem Perancangan di bawah kategori Strategi Metakognitif. Strategi ini bermaksud mendapat gambaran keseluruhan tentang idea dan konsep tajuk yang bakal dipelajari melalui pembacaan sepintas lalu untuk disusun. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 3 (1.0%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 23 (8.2%). Guru menggunakan strategi ini untuk menyiapkan pengajaran bagi topik-topik baharu.

Jadual 1: Senarai Markah Responden Bagi Lembaran Kerja (LK3)

No	Responden Kajian	Markah
1	R1	75
2	R2	60

3	R3	65
4	R4	75
5	R5	70
6	R6	65
7	R7	80
8	R8	60
9	R9	75
10	R10	55
11	R11	50
12	R12	50
13	R13	55
14	R14	55
15	R15	80
16	R16	65
17	R17	60
18	R18	80
19	R19	80
20	R20	70
21	R21	50
22	R22	55
23	R23	60
24	R24	60
25	R25	55
26	R26	60
27	R27	55
28	R28	60
29	R29	70
30	R30	75
31	R31	50
32	R32	65
33	R33	45
34	R34	60
35	R35	60
36	R36	60
37	R37	60
38	R38	60
39	R39	55
40	R40	10
41	R41	50
42	R42	60
43	R43	55
44	R44 las	10
Peratusan Kegagalan		6.81%

Jadual di atas menunjukkan Senarai Markah Responden Bagi Lembaran Kerja (LK3) Lembaran Kerja 3 merupakan lembaran kerja mengenai penulisan karangan dengan berdasarkan tiga gambar bersiri manakala gambar yang keempat, para responden pelajar harus menulis dengan gambaran mereka sendiri sebagai penutup karangan. Ujian pena dan kertas ini sepertimana yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Menengah 1, mereka baru belajar menulis karangan mengikut urutan struktur karangan pelbagai teks seperti naratif, deskriptif dan ekspositori tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat dan negara.

Mereka telah mempelajari membina ayat dengan menggunakan frasa nama (FN) contohnya saudara mara, masyarakat Melayu, kaum India, mesin basuh, kereta sorong, bilik darjah, dan kedai runcit. Contoh frasa kerja (FK) seperti membaca e-mel, bangun, menggosok, berbaju kurung. Contoh bagi frasa adjektif (FA) seperti baik, sungguh cantik, tinggi lampai, putih kuning, dan amat bangga. Contoh frasa sendi nama (FS) pula seperti dari negara asing, dengan kehadirannya, untuk ibu bapanya, pada zaman dahulu, dan di seberang jalan.

Para responden pelajar telah didedahkan dengan empat pola ayat dasar iaitu FN+FN, FN+FK, FN+FA dan FN+FS. Binaan ayat pula seperti ayat tunggal, ayat tunggal dengan peluasan subjek dan peluasan predikat. Manakala jenis ayat seperti ayat penyata, ayat tanya, ayat tanya dengan kata tanya dan juga ayat tanya tanpa kata tanya. Maka rubrik penulisan karangan telah pengkaji lakarkan dengan merujuk Pengkhususan Jadual Peperiksaan di peringkat nasional bagi Bahasa Melayu Program Khas tahun 2015. Dengan itu, pengkaji telah membuat skema pemarkahan kemahiran menulis karangan naratif untuk disesuaikan bagi peringkat Menengah 1.

Jadual 2: Rubrik Penulisan Karangan Naratif

Band (Markah)	Penerangan	
	Isi	Bahasa & Organisasi
1 (16 – 20 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ idea padat dan relevan ▪ tidak semua idea dikembangkan ▪ pada keseluruhannya menarik 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sedikit kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca ▪ kosa kata pada keseluruhannya sesuai ▪ pemerenggan dan susunan idea baik ▪ kaitan idea baik
2 (11 – 15 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat beberapa idea yang relevan ▪ sebahagian sahaja idea dikembangkan ▪ kurang menarik 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat beberapa kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca yang tidak menjejaskan pemahaman ▪ kosa kata mudah dan kadangkala kurang sesuai ▪ pemerenggan dan susunan idea memuaskan ▪ kaitan idea memuaskan
3 (6 – 10 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat sedikit sahaja idea yang relevan ▪ idea dikembangkan secara minimum ▪ tidak menarik 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat banyak kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca yang menjejaskan pemahaman ▪ kosa kata terhad ▪ pemerenggan dan susunan idea kurang memuaskan ▪ kaitan idea kurang memuaskan

4
(1 – 5 markah)


- idea amat sedikit yang relevan
- idea tidak dikembangkan
- membingungkan

- penuh dengan kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca yang amat menjejaskan pemahaman walaupun dalam ayat mudah
- kosa kata amat asas
- tidak terdapat pemerenggan dan susunan idea yang munasabah
- tidak terdapat kaitan idea yang munasabah

Ini

Soalan Lembaran Kerja 3

Arahan: Tulis sebuah karangan dengan menggunakan sekurang-kurangnya 100 patah perkataan mengenai gambar bersiri berikut.



Rajah 2: Gambar Bersiri

Perhatikan gambar bersiri yang berikut. Selesaikan ceritanya. Kamu boleh menggunakan perkataan dan frasa yang diberikan semasa menulis karangan itu. Ceritakan perkara/peristiwa yang berlaku.

Jadual 3: Cadangan Kata Bantu Untuk Gambar Bersiri

No	Cadangan Kata Bantu
1.	Rakan sekelas
2.	Beratur
3.	Bas
4.	Di taman haiwan

5. Berbual
6. Gembira
7. Binatang liar
8. Kandang
9. Memberikan makan
10. Burung merak

Jadual di atas menunjukkan 10 kata bantu yang terdiri daripada satu patah kata dan juga frasa. Responden kajian dikehendaki menulis sebuah karangan dengan menggunakan sekurang-kurangnya 100 patah perkataan mengenai gambar bersiri yang diberikan. Mereka harus memerhatikan gambar bersiri yang diberikan. Selesaikan ceritanya. mereka boleh menggunakan perkataan dan frasa yang diberikan semasa menulis karangan itu. Ceritakan perkara/peristiwa yang berlaku. Mereka digalakkan untuk mengaitkan pengalaman dan pembelajaran melalui LK1 dan LK2. Jadual di bawah menunjukkan Borang Kriteria Pemarkahan Karangan, iaitu;

Jadual 4: Borang Kriteria Pemarkahan Karangan


Simbol	Makna	Cemerlang 8-10	Baik 5-7	Sederhana 2-4	Lemah 1
√	Betul	>10	6-9	5	2
www	Bahasa	<2	3-5	6-10	>11
E	Ejaan	<2	3-5	6-10	>11
T	Tanda Baca	<2	3-5	6-10	>11
//	Pemerenggan	6	4	2	1
Λ	Penghilangan Kata	<2	3-5	6-10	>11

Berdasarkan jadual di atas, menetapkan kriteria untuk pemarkahan penulisan karangan Lembaran Kerja 3 ini mengikut kategori ayat yang betul, kesalahan bahasa, kesalahan ejaan, kesalahan tanda baca, pemerenggan dan penghilangan kata supaya pemarkahan lebih objektif. Markah penuh untuk LK3 ialah 20 maka 9 ke bawah merupakan markah yang gagal. Untuk bahagian komen, pengkaji akan menyatakan sama ada responden pelajar menggunakan strategi menterjemahkan dan diikuti dengan penerangan mengenai kesalahan-kesalahan bahasa, ejaan, tanda baca, pemerenggan dan penghilangan kata. Pengkaji juga menyarankan pembetulan bagi setiap ayat supaya ayat yang betul sintaksis dapat dianalisis.

4. Analisis Data dan Perbincangan

Bahagian ini menerangkan dapatan penulisan karangan responden berdasarkan gambar bersiri, rubrik dan borang pemarkahan bagi analisis kesilapan bahasa ketiga pelajar Program Khas Bahasa Melayu. Menerusi dapatan daripada Lembaran Kerja 3, responden pelajar telah menggunakan pengetahuan dan pengalaman pembelajaran mereka untuk lulus bagi setiap tugas lembaran. Mereka juga dapat mengaitkan hubungan objektif setiap tugas lembaran kerja yang mana L1 bertujuan untuk mereka mengenal pasti atau mengecam kosa kata dan gambar. LK2 pula untuk mengisi frasa adjektif dan frasa sendi nama yang menambahkan pengetahuan untuk membina ayat gramatis struktur ayat subjek dan predikat. Dengan itu, diharapkan agar para responden pelajar dapat menulis karangan berdasarkan gambar bersiri untuk LK3. Hanya 3 (6.6%) responden pelajar yang gagal dalam tugas ini. Ini menunjukkan, pembelajaran menggunakan tema dapat meningkatkan pembelajaran seseorang pelajar. Jadual di bawah menunjukkan dapatan markah karangan yang ditulis oleh 44 orang responden kajian, iaitu:


Terjemahan Kata Bantu
44 responses



Rajah 3: Taburan Jawapan Pilihan Responden Pelajar Untuk LK3 Terjemahan Kata Bantu

Rajah di atas menunjukkan taburan jawapan pilihan responden pelajar untuk LK3 terjemahan kata bantu. Dapatan ini menunjukkan terdapat 11 orang responden (25%) tidak menterjemahkan kata bantu yang diberikan dalam LK3. Sebaliknya, 33 orang responden (75%) menterjemahkan kata bantu yang diberikan. Contohnya, responden R13 telah menterjemahkan semua kata bantu seperti rakan sekelas yang diterjemah kepada *classmates*, beratur yang diterjemah kepada *queuing* dan berbual yang telah diterjemahkan *talking*. Situasi ini dilakukan oleh responden kerana untuk membantu mereka menulis ayat yang gramatis. Dapatan ini juga menunjukkan responden R13 berjaya menterjemah semua kata bantu yang dicadangkan dengan betul mengikut konteks. Responden ini menterjemah semua kata bantu dengan menggunakan kamus konvensional dan aplikasi dalam talian. Dapatan ini disokong kajian Anida Nasukaa & Siti Nuur Roihan Saidinb (2014) yang menyatakan bahawa cakupan entri dalam kamus membantu pelajar mempelajari bahasa kedua atau asing. Perbincangan seterusnya dalam penulisan karangan adalah berkaitan dengan terjemahan kata pilihan sendiri.

Terjemahan Kata Pilihan Sendiri
44 responses




Rajah 4: Taburan Jawapan Pilihan Responden Pelajar Untuk LK3 Terjemahan Kata Pilihan Sendiri

Rajah di atas menunjukkan taburan jawapan pilihan responden pelajar untuk LK3 terjemahan kata pilihan. Dapatan ini menunjukkan terdapat 25 orang responden (56.8%) tidak menterjemahkan kata pilihan sendiri untuk LK3. Sebaliknya, 19 orang responden (43.2%) menterjemahkan kata pilihan sendiri untuk LK3. Contohnya, responden R18 telah menterjemahkan semua kata pilihan sendiri seperti trem yang diterjemah kepada *tram*, zirafah yang diterjemah kepada *giraffe* dan gajah yang telah diterjemahkan *elephant*. Situasi ini dilakukan oleh responden kerana untuk membantu mereka menulis ayat yang gramatis. Dapatan ini juga menunjukkan responden R18 berjaya menterjemah semua kata pilihan sendiri yang dicadangkan dengan betul mengikut konteks. Responden ini menterjemah semua kata pilihan sendiri dengan menggunakan kamus konvensional dan aplikasi dalam talian. Dapatan ini

disokong kajian Anida Nasukaa & Siti Nur Roihan Saidinb (2014) yang menyatakan bahawa cakupan entri dalam kamus membantu pelajar mempelajari bahasa kedua atau asing. Perbincangan seterusnya dalam penulisan karangan adalah berkaitan dengan ayat betul. Ramai yang menggunakan kata bantu LK1 dan LK2 untuk menulis karangan naratif gambar bersiri ini. Perbincangan seterusnya dalam penulisan karangan adalah berkaitan dengan membina ayat betul.


Ayat Betul
44 responses



Rajah 5: Taburan Jawapan Pilihan Responden Pelajar Untuk LK3 Ayat Betul

Rajah di atas menunjukkan taburan jawapan pilihan responden pelajar untuk LK3 ayat betul. Dapatan ini menunjukkan terdapat 2 orang responden (4.5%) tidak dapat menulis ayat betul untuk LK3. Seramai 7 orang responden (15.9%) berjaya menulis 9 potong ayat betul. Terdapat seorang responden (2.3%) berjaya menulis 16 potong ayat betul. Contohnya, responden R9 telah berjaya menulis 10 potong ayat yang betul. Dapatan ini disokong kajian Siti Khodijah Che Mee (2020) yang mengatakan bahawa pentingnya pelajar dapat menguasai dahulu sistem atau rumus tentang bahasa Melayu khususnya memfokuskan kajian ini iaitu sintaksis agar dapat mengelakkan kesalahan lazim yang dilakukan dan ini juga membuktikan nilai bahasa yang tinggi dengan menjaga tatabahasa yang betul dan tepat. Mereka yang berjaya menulis 1 hingga 9 ayat betul berjumlah 27 orang responden (62.7%). Ini menunjukkan bahawa lebih daripada 50% orang pelajar yang masih memerlukan untuk belajar membina ayat betul iaitu dari segi sintaksis, struktur ayat yang mengandungi subjek dan predikat serta dengan 4 pola ayat. Perbincangan seterusnya dalam penulisan karangan adalah berkaitan dengan bahasa.

Bahasa
44 responses




Rajah 6: Taburan Jawapan Pilihan Responden Pelajar Untuk LK3 Bahasa

Rajah di atas menunjukkan taburan jawapan pilihan responden pelajar untuk LK3 dari segi bahasa. Dapatan ini menunjukkan terdapat 6 orang responden (13.6%) tiada kesalahan bahasa untuk LK3. Sejumlah 6 orang responden (13.6%) mempunyai kesalahan bahasa sebanyak sekali. Seramai 4 orang responden (9.1%) mempunyai kesalahan bahasa sebanyak 7 kali. Sebaliknya, terdapat seorang responden (2.3%) mempunyai kesalahan bahasa sebanyak 17 kali. Contohnya responden R19 yang mempunyai sepotong ayat yang salah sahaja iaitu kata bilangan tak tentu ‘ramai’ sepatutnya digantikan kata bilangan tak tentu ‘banyak’ kerana ‘ramai’ untuk manusia. Seramai 4 orang responden (4.5%) yang dapat lebih daripada 10 kesilapan bahasa patut menghadiri kelas pemulihan untuk membina ayat. Dapatan ini disokong kajian Ugartini Magesvaran at al., (2021), antara faktor berlakunya kesilapan dalam penulisan karangan ialah tahap penguasaan kosa kata bahasa Melayu yang lemah, penguasaan bahasa Melayu yang lemah serta sikap dan minat pelajar itu sendiri. Kajian Ugartini telah membuat kesimpulan bahawa berdasarkan analisis yang dilakukan, kajian ini mampu membantu guru-guru bahasa kedua khususnya dalam mengenalpasti kesilapan yang kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa kedua. Perbincangan seterusnya dalam penulisan karangan adalah berkaitan dengan ejaan.

Ejaan

44 responses




Rajah 7: Taburan Jawapan Pilihan Responden Pelajar Untuk LK3 Ejaan

Rajah di atas menunjukkan taburan jawapan pilihan responden pelajar untuk LK3 dari segi ejaan. Dapatan ini menunjukkan terdapat 13 orang responden (29.5%) tiada kesalahan ejaan untuk LK3. Terdapat juga seorang responden (2.3%) mempunyai kesalahan ejaan sebanyak 5 kali. Sebaliknya, terdapat seorang responden (2.3%) mempunyai kesalahan bahasa sebanyak 15 kali. Contohnya responden R27 yang telah melakukan 15 kesilapan ejaan. Kata sendi nama ‘degan’ sepatutnya ditambah huruf kecil ‘n’ selepas huruf kecil ‘e.’ Huruf kecil ‘a’ sepatutnya digantikan dengan huruf kecil ‘e’ untuk mengeja ‘kamera.’ Dapatan ini disokong kajian Ugartini Magesvaran at al., (2021), antara faktor berlakunya kesilapan dalam penulisan karangan yang mengatakan bahawa penambahan huruf menjadikan struktur suku kata bertambah, penguguran huruf dalam perkataan dapat dilihat pada perkataan dan keliru dengan sebutan bunyi vokal /a/e/o/u boleh menyebabkan kesilapan ejaan. Perbincangan seterusnya dalam penulisan karangan adalah berkaitan dengan tanda baca.

Tanda Baca

44 responses




Rajah 8: Taburan Jawapan Pilihan Responden Pelajar Untuk LK3 Tanda Baca

Rajah di atas menunjukkan taburan jawapan pilihan responden pelajar untuk LK3 dari segi tanda baca. Dapatan ini menunjukkan terdapat 20 orang responden (45.5%) tiada kesalahan tanda baca untuk LK3. Terdapat seorang responden (2.3%) mempunyai kesalahan ejaan sebanyak 6 kali. Sebaliknya, terdapat seorang responden (2.3%) mempunyai kesalahan bahasa sebanyak 12 kali. Sejumlah 24 orang responden (54.7%) masih membuat kesilapan tanda baca seperti tanda titik, tanda koma dan huruf besar. Contohnya responden R1 perlu letak tanda baca (-) antara kata ganda ‘banyak-banyak.’ Contoh lain, huruf besar ‘B’ harus digantikan dengan ‘b’ kecil. Dapatan ini di sokong kajian Elmy Maswandi et al. (2022) yang mengatakan bahawa kesalahan tanda baca menggambarkan bahawa pelajar masih belum mampu mengenal pasti fungsi tanda baca, meskipun sudah berada pada peringkat menengah. Perbincangan seterusnya dalam penulisan karangan adalah berkaitan dengan pemerenggan.

Pemerenggan

44 responses




Rajah 9: Taburan Jawapan Pilihan Responden Pelajar Untuk Lk3 Pemerenggan

Rajah di atas menunjukkan taburan jawapan pilihan responden pelajar untuk LK3 pemerenggan. Dapatan ini menunjukkan terdapat 5 orang responden (11.4%) menulis dalam 1 perenggan untuk LK3. Seramai 4 orang responden (9.1%) responden pelajar yang menulis dalam 3 perenggan. Sejumlah 23 orang responden (52.3%) menulis dalam 4 perenggan. Terdapat 8 orang responden (18.2%) yang menulis dalam 5 perenggan sama ada terbinanya bahagian pengenalan atau penutup. Contohnya, responden R18 telah membina 5 perenggan dengan

penutup karangan yang agak baik. Dapatan ini disokong kajian Mohamed Noh Daipi et.al. (2020) iaitu Pakej Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri (PKBGB) dapat membantu responden menulis karangan. Analisis kajian menunjukkan murid perlu lebih bimbingan dalam membina isi atau kandungan karangan mereka. Berdasarkan dapatan ini, guru boleh berusaha untuk mengukuhkan pemahaman murid bagaimana hendak membina isi karangan mereka dengan lebih baik. Ini melibatkan pemahaman murid terhadap elemen naratif dan pengolahan karangan yang lebih menarik. Ini menunjukkan bahawa ramai responden ini menulis mengikut urutan gambar sahaja. Mereka berkemungkinan hanya ingin lulus atau belum begitu yakin untuk menulis dengan lebih panjang. Perbincangan seterusnya dalam penulisan karangan adalah berkaitan dengan penghilangan kata.

Penghilangan Kata

44 responses




Rajah 10: Taburan Jawapan Pilihan Responden Pelajar Untuk LK3 Penghilangan Kata

Rajah di atas menunjukkan taburan jawapan pilihan responden pelajar untuk Lk3 penghilangan kata. Dapatan ini menunjukkan terdapat 8 orang responden (18.2%) tiada kesalahan Penghilangan Kata untuk LK3. Seramai 4 orang responden (9.1%) mempunyai kesalahan penghilangan kata sebanyak 6 kali. Sebaliknya, terdapat seorang responden (2.3%) mempunyai kesalahan penghilangan kata sebanyak 12 kali. Dapatan ini menunjukkan bahawa 17 orang responden (38.6%) masih tidak dapat menulis ayat mengikut struktur ayat atau pola ayat yang telah diajari. Mereka juga belum yakin untuk meluaskan ayat dengan kosa kata yang sesuai. Dalam analisis kesilapan bahasa, penghilangan kata merujuk pada kesalahan yang ditandai dengan ketidakhadiran suatu kata dalam ayat. Berdasarkan penulisan karangan para responden, penghilangan kata termasuklah dari segi morfologi seperti penggunaan imbuhan, kata sendi nama, kata hubung dan penggunaan Bahasa Inggeris. Dari segi sintaksis pula, susunan golongan kata tidak mengikut hukum DM iaitu yang diterangkan (D) dan yang menerangkan (M). dari segi mekanikal pula, tanda baca masih bermasalah. Kajian Corder mengatakan bahawa (1981), penutur bahasa sering melakukan kesalahan bahasa (mistake) apabila berhadapan dengan keletihan, kehilangan memori, atau mengalami masalah emosi. Kesalahan tersebut tidak menggambarkan kelemahan penguasaan bahasa seseorang dan tidak signifikan terhadap proses pembelajaran. Namun bagi Corder (1981), penghasilan bahasa yang tidak tepat kerana kelemahan penguasaan sistem bahasa tersebut dinamakan sebagai kesilapan (error). Perbincangan seterusnya dalam penulisan karangan adalah berkaitan dengan markah untuk isi.

Markah Isi

44 responses




Rajah 11: Taburan Jawapan Pilihan Responden Pelajar Untuk LK3 Markah Isi

Markah penuh 10 (100%) untuk markah Bahasa maka 4 (40%) ke bawah dikategorikan gagal. Rajah di atas menunjukkan taburan jawapan pilihan responden pelajar untuk LK3 dari segi markah isi. Dapatan ini menunjukkan terdapat 2 orang responden (4.5%) mendapat 1 markah. Kumpulan ini didapati gagal. Markah yang mereka dapat lebih tertumpu pada kategori Sederhana dan Lemah dalam Kriteria Pemarkahan Karangan. Seramai 8 orang responden (18.2%) mendapat 5 markah. Sebaliknya terdapat seorang responden (2.3%) mendapat 9 markah. Bagi mereka yang mendapat 5 hingga 8 markah, kedudukan markah dapat mereka lebih tertumpu pada Baik dan Cemerlang dalam Kriteria Pemarkahan Karangan. Contohnya responden R18 telah berjaya mendapat markah 9 daripada 10 untuk isi karangan. Hal ini disebabkan R18 mengikut urutan gambar bersiri dan pembinaan ayat mudah yang mengandungi subjek dan predikat. Dapatan ini disokong kajian Mohamed Noh Daipi et.al. (2020) iaitu Pakej Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri (PKBGB) dapat membantu responden menulis karangan. Perbincangan seterusnya dalam penulisan karangan adalah berkaitan dengan markah untuk bahasa.

Markah Bahasa

44 responses




Rajah 12: Taburan Jawapan Pilihan Responden Pelajar Untuk Lk3 Markah Bahasa

Markah penuh 10 (100%) untuk markah Bahasa maka 4 (40%) ke bawah dikategorikan gagal. Rajah di atas menunjukkan taburan jawapan pilihan responden pelajar untuk LK3 dari segi markah bahasa. Seramai 2 orang responden (4.5%) mendapat 1 markah. Hanya seorang responden (2.3%) mendapat 4 markah. Kedua-dua kumpulan ini didapati gagal. Markah yang mereka dapat lebih tertumpu pada kategori Sederhana dan Lemah dalam Kriteria Pemarkahan Karangan. Sejumlah 13 orang responden (29.5%) mendapat 5 markah. Sebaliknya, terdapat 3 orang responden (6.8%) mendapat 8 markah. Bagi mereka yang mendapat 5 hingga 8 markah, kedudukan markah dapat mereka lebih tertumpu pada Baik dan Cemerlang dalam Kriteria Pemarkahan

Karangan. Contohnya R19 yang melakukan hanya satu kesalahan bahasa. Sebaliknya, bagi mereka yang gagal, mereka menghadapi masalah dari peringkat awal penulisan karangan kerana tidak memahami kehendak soalan dalam bahasa Melayu dan seterusnya sukar mengembangkan isi karangan. Dapatan ini disokong kajian Ugartini Magesvaran at al., (2021). Hal ini terjadi juga disebabkan sikap pelajar yang kurang membaca bahan bacaan bahasa Melayu bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa kedua. Perbincangan seterusnya dalam penulisan karangan adalah berkaitan dengan markah dapat.

Peratusan Markah Dapat

44 responses




Rajah 13: Taburan Jawapan Pilihan Responden Pelajar Untuk LK3 Peratusan Markah Dapat

Markah penuh 20 (100%) untuk markah Bahasa maka 9 (45%) ke bawah dikategorikan gagal. Rajah di atas menunjukkan taburan jawapan pilihan responden pelajar untuk LK3 peratusan markah dapat. Seramai 2 orang responden (4.5%) responden pelajar mendapat 2 markah. Terdapat 1 (2.3%) responden pelajar mendapat 45 markah. Kedua-dua kumpulan ini didapati gagal. Markah yang mereka dapat lebih tertumpu pada kategori Sederhana dan Lemah dalam Kriteria Pemarkahan Karangan. Terdapat 5 (11.4%) responden pelajar mendapat 50 markah. Sebaliknya, terdapat 4 (9.1%) responden pelajar mendapat 80 markah. Bagi mereka yang mendapat 50 hingga 80 markah, kedudukan markah dapat mereka lebih tertumpu pada Baik dan Cemerlang dalam Kriteria Pemarkahan Karangan. Contohnya, responden R30 mendapat 75% kerana markah dapatnya lebih di bahagian. Dapatan ini disokong kajian Liew Siew Lin et.al yang mengatakan bahawa pemberian markah karangan adalah berdasarkan skema pemarkahan yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Perbincangan seterusnya dalam penulisan karangan adalah berkaitan dengan patah perkataan.

Patah Perkataan

44 responses



Rajah 14: Taburan Jawapan Pilihan Responden Pelajar Untuk LK3 Patah Perkataan

Rajah di atas menunjukkan taburan jawapan pilihan responden pelajar untuk LK3 patah perkataan. Bagi LK3, para responden dikehendaki menulis sebuah karangan sebanyak 100 patah perkataan. Mereka dikehendaki menjawab dengan menulis sekurang-kurangnya 10 ayat. Jika responden hanya menjawab 5 atau 6 kurang patah perkataan daripada 100, karangan mereka diterima. Namun begitu, penulisan karang mereka mestilah lengkap mengikut urutan peristiwa berdasarkan gambar yang disertakan. Hanya 3 responden pelajar yang gagal dalam penulisan karangan ini. Sebenarnya, mereka belum didedahkan untuk menulis karangan. Disebabkan sikap mereka yang berdikari dan belajar secara sendiri, semua cabaran mereka dapat atasi. Kesimpulannya, para responden pelajar dapat menghubungkan pengalaman untuk membantu mereka menulis karangan dengan lebih baik. Dapatan kajian ini disokong kajian Zamri et.al. Strategi Pemelajaran Bahasa yang sesuai dengan cara dan masa pelajar dalam menghadapi pelajaran akan membantu pelajar dalam mempelajari sesuatu dengan baik dan meningkatkan pencapaian mereka dalam peperiksaan (Zamri et al., 2002).

5. Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan pembelajaran bahasa Melayu dengan menggunakan strategi yang dipilih seperti menterjemahkan dan memindahkan bahasa dapat meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar dalam membina ayat-ayat yang gramatis. Selain itu, kajian juga membuktikan bahawa tugas LK3 untuk meningkatkan kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis dalam pembelajaran BM. Dapatan kajian ini juga, telah dapat membekalkan beberapa maklumat untuk penggubal dasar, pentadbir sekolah, perancang dan pelaksana kurikulum bagi membantu para pihak kementerian dan pihak sekolah dan guru mereka bentuk program yang lebih berkesan. Secara keseluruhannya kajian ini juga telah membuktikan keberkesanan strategi yang dipilih dapat membantu mereka membina ayat-ayat yang gramatis. Seterusnya para responden pelajar dapat menjawab soalan penulisan, bahagian membina ayat terutamanya pada LK3 dan membantu meningkatkan prestasi pencapaian ujian bahasa Melayu yang mereka duduki.

6. Rujukan

- Abbas Mohd Shariff. (2006). Strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa. Alfa Media.
- Abd. Aziz Abd. Talib, (2000). Pedagogi Bahasa Melayu - Prinsip, Kaedah dan Teknik. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Abdul Aziz Abdul Talib. (1996). Menguji kemahiran bahasa, prinsip, teknik dan contoh. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2015). Bicara Bahasa, Panduan Mudah dan Sistemik Tatabahasa Bahasa Melayu. Singapura: Markono Print Media Pte Ltd.
- Adenan Ayob, Khairuddin Mohamad. (2012). Kaedah Pengajaran bahasa Melayu. Selangor Darul Ehsan: Herald Printers Sdn. Bhd.
- Alex Barber et.al. (2010). Concise Encyclopedia Of Philosophy Of Language And Linguistics. United Kingdom: Elsevier Ltd.
- Ainun Rahmah, I., Zamri, M., & Wan Munna Ruzana, W. M. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7, pp. 77-88.
- Anderson, Lorin W. (1994). Bloom's taxonomy : a forty-year retrospective. Inited States of America: The National Society for The Study Of Educaion.
- Andrew Cohen and Ernesto Macaro, editors. (2011). Language Learner Strategies: Thirty Years of Research and Practice. Portugal: Oxford University Press.
- Anida Nasukaa & Siti Nur Roihan Saidinb. (2014). Kekuatan dan kelemahan kamus dwibahasa dalam membantu penterjemah.
- [Online]:Kekuatan_Dan_Kelemahan_Kamus_Dwibahasa_Dalam_Memba.pdf (akses pada 11 Jun, 2024)
- Anita Wenden and Joan Rubin, editors. (1987). Learner strategies in language learning. Cambridge: The University Press.

- Azizi Ahmad. (2016). *Pentaksiran Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Ahmad dan Mohd Isa Awang. (2016). *Pengukuran dan Penilaian pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bill VanPatten and James F. Lee, editors. (1990). *Second language acquisition/foreign language learning*. Great Britain: WBC Print, Bristol.
- Bill VanPatten and Jessica Williams, editor. (2015). *Theories in second language acquisition: an introduction*. Chicago: Routledge the Taylor & Francis Group.
- Elmy Maswandi et.al. (2022). Analisis Kesalahan Bahasa Dalam Karangan Bahasa Melayu Pelajar Menengah Bawah Di Negara Brunei Darussalam. [Online]: Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu Jilid 15 Bil. 2 Julai 2022. (akses pada 12 Jun, 2024)
- Ernesto Macaro. (2001). *Learning strategies in foreign and second language classroom*. Great Britain: CPD, Ebbw Vale.
- F.R. Palmer. Palmer, F. R. (Frank Robert). (1991). *Semantics Second Edition*: Cambridge University Press.
- Faridah Binti Nazir. (2015). *Pengantar Linguistik Bahasa Melayu*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal, Harishon Radzi. (Penyunting). (2012). *Pemantapan Dan pembinaan ilmu linguistik berasaskan korpus*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, Selangor.
- Gessica De Angelis, (2007). *Third or Additional Language Acquisition*. Great Britain: the Cromwell Press Ltd.
- Ida Susila Suandi. (2003). *A Study of Approaches and Methodology in the Teaching of Malay Language in Four Secondary Schools in Singapore*. (Unpublished master's thesis). National Institute of Education/Nanyang Technological University.
- J. Michael O'Malley, Anna Uhl Chamot. (2002). *Learning strategies in second language acquisition*. Cambridge University Press.
- Kamarudin Hj. Husin. (1996). *Pedagogi bahasa*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Kamsiah Abdullah. (2002). *Bahasa dan Pemikiran*. Singapura: Deezed Consult.
- Kamsiah Abdullah. (2000). *Sikap, Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Melayu di Singapura*, Singapura: Angkatan Sasterawan Singapura.
- Kırmızı, Ö., & Kömeç, F. (2019). The impact of the flipped classroom on receptive and productive vocabulary learning. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 15(2), 437-449. (akses pada 28 Disember 2020)
- Krashen, S., & Scarcella, R. (1978). On Routines and Patterns in Language Acquisition and Performance 1. *Language learning*, 28(2), 283-300.
- Language Acquisition/Problems and Prospects in Third Language Acquisition Research [Online]: (PDFDrive.com).pdf (akses pada 23 November, 2021)
- Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu 2005, Kementerian Pendidikan Republik Singapura Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (2005).
- Liew Siew Lin et.al, (2003). Kesalahan Bahasa Dalam Karangan Pelajar Cina Sekolah Menengah. [Online]:Jil. 3 Bil. 2 (2003): Jurnal Bahasa Jilid 3 Bil. 2 Jun 2003 (akses pada 12 Jun 2024).
- Lourdes Ortega. (2009). *Understanding second language acquisition*. Great Britain: CPI Anyony Rowe, Chippenham, Wiltshire.
- Mazlinah Ahmad et.al. (2019). Kemahiran Pertuturan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing: Pengalaman di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). [Online]: Kemahiran Pertuturan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)pdf (akses pada 14 jun, 2024)

- Michael Grenfell and Vee Harris. (1999). *Modern languages and learning strategies in theory and practice*. USA and Canada: Routledge the Taylor & Francis Group.
- Michael James Grenfell and Vee Harris. (2017). *Language learner strategies: contexts, issues and applications in second language learning and teaching*. Great Britain: Integra Software Services Pvt. Ltd.
- Miles Turnbull and Jennifer Dailey-O'Cain. (2009). *First language use in second and foreign language learning*. Great Britain: MPG Books Group.
- Ministry of Education Singapore. (2011) *Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah*. CPDD: Singapore.
- Mirosław Pawlak. (2018). *Grammar Learning Strategy Inventory (GLSI): Another look*. (PDFDrive.com).pdf
- [Online]:<https://personal.ua.es/francisco.yus/rt.html#Media> (akses pada 26 Disember 2020)
- Mohd Helmi Bin Pangat. (2017). *Strategi Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Cina Di SRJK (C): Kajian Kes Di Daerah Hulu Langat, Selangor*.
[Online]:http://studentsrepo.um.edu.my/7787/6/HELMI_PANGAT_-_FULL_TESIS.pdf (akses pada 9 November 2023)
- Mohamed Noh Daipi, Fadilah Isnin (Penyunting). (2020). *Dian Bahasa Jilid 2*, Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.
- Mohamed Noh Daipi, et.al. (2020). *Pengajaran Dan Pembelajaran Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri Dalam Kurikulum Pendidikan Sekolah Rendah Di Singapura*.
[Online]:<https://pdfs.semanticscholar.org/2eb1/2e6712d7afdcc19982ead94b5e4732fdd524.pdf> (akses pada 12 Jun, 2024)
- Mukhlis Abu Bakar. (2010). *Struktur Dan Makna Dalam Bahasa*, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Nik Safiah Karim [et al]. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Basri Nik Abdul Kadir. (2009). *Teori Bahasa Implikasi Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nora'azian Nahar et.al., (2018). *Tahap Penguasaan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif*. [Online]: ISSN: 2180-4842. Vol. 8, Bil. 1 (Mei 2018): 74-83 (akses pada 14 Jun, 2024)
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam Perniagaan. Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah, Idris Aman (Penyunting). (2009). *Linguistik : teori dan aplikasi*. Seminar Kebangsaan Linguistik. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, Selangor.
- Norliza Hj. Jamaluddin. (2011). *Analisis Kata Sifat Bahasa Melayu Berdasarkan Data Korpus Berkomputer*.
[Online]:http://studentsrepo.um.edu.my/3181/1/Kulit_Tesis.pdf (akses pada 23 September 2019)
- Nuraihan Mat Daud (Editor). (2018). *Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
[Online]:<https://www.schoolbag.sg/story/mastering-a-third-tongue-for-a-regional-outlook> (akses pada 11 Disember 2018)
- Pairah Bte Satariman. (2006). *Malay language curriculum for secondary schools in Singapore: an evaluation of its development and implementation*. (Unpublished master's thesis). National University of Singapore. Singapore.
- Rod Ellis. (1997). *Second Language Acquisition*. Hong Kong: Oxford University Press.
- Rod Ellis. (2008). *The Study of Second Language Acquisition*. China: Oxford University Press.
- Rod Ellis. (2008). *Understanding Second Language Acquisition*. China: Oxford University Press.

- Roksana Bibi Abdullah (2003). Bahasa Melayu Di Singapura Pengalihan dan Pengekalan. Singapura: Deezed Consult.
- Samsudin, N. H. B. (2017). Penggunaan Kit Asas Membaca Bahasa Melayu Untuk Kanak-Kanak Pemulihan Khas. [Online]:http://studentsrepo.um.edu.my/7923/6/NURUL_HANIZA_BINTI_SAMSUDIN.pdf (akses pada 11 Disember 2018)
- _Siti Khodijah Che Mee, (2020), Penguasaan Sintaksis Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia. [Online]: <https://doi.org/10.17576/jatma-2020-0801-06> (akses pada 12 Jun, 2024)
- Sufean Hussin. (2009). *Dasar Pembangunan Pendidikan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Susan M. Gass and Larry Selinker. (2013) *Second language acquisition: an introductory course*. United State of America: John Benjamins Publishing Co.
- Susan M. Gass with Jennifer Behney and Luke Plonsky. (2013). *Fourth Edition. Second Language Acquisition: An Introductory Course*. United State of America: Edward Brothers, Inc.
- Ugartini Magesvaran et.al. (2021). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah San Min (Suwa) Teluk Intan (Sekolah Persendirian Cina). [Online]: <https://www.icbe.my/wp-content/uploads/2021/07/Ugartini-Magesvaran5-1.pdf> (akses pada 12 Jun, 2024)
- Terence Odlin. (1990). *Language Transfer: Cross-linguistic Influence in Language Learning*. United State of America: Cambridge University Press.
- Third Language Acquisition/The role of the second language in third language acquisition [Online]: (PDFDrive.com).pdf (akses pada 7 Julai, 2020)
- Vivian Cook. (2009). *Second Language Learning and Language Teaching*. Malta: Macmillan Publishing Solutions.
- Wilson & Sperber. (2013). *Relevance Theory*. [Online]: https://www.phon.ucl.ac.uk/publications/WPL/02papers/wilson_sperber.pdf (akses pada 26 Disember 2020)
- Zainal Mat Saat. (2018). *Analisis Data*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod et.al., (2003). Strategi pemelajaran bahasa pelajar sekolah menengah. [Online]:Jil. 3 Bil. 2 (2003): *Jurnal Bahasa Jilid 3 Bil. 2 Jun 2003*. (akses pada 12 Jun 2024)
- ZhaoHong Han (2004). *Fossilization in Adult Second Language Acquisition*. Great Britain: Cromwell Press Ltd.